

SOALAN NO :25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr Mansor bin Abd Rahman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mengawal caj perawatan di klinik-klinik dan hospital swasta yang terlalu tinggi kerana ini menyebabkan limpahan pesakit di klinik dan hospital kerajaan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi. Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, *gauze* dan lain lain), caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.

Ini adalah satu usaha oleh Kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta dalam masa yang sama memberi manfaat dan menjaga kebajikan rakyat.